



DAING NASIR IBRAHIM (dua dari kiri) berkata sesuatu kepada pelajar program Kejuruteraan Perniagaan yang baharu diperkenalkan di UMP Gambang sewaktu majlis pertemuan dengan ibu bapa dan pelajar baharu di universiti berkenaan di Kampus Gambang, Kuantan, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA 2/9 (TIMUR) m/s 26

UMP terima 2,274 pelajar baharu

KUANTAN 1 Sept. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 2,274 penuntut baharu yang mendaftar di dua kampus universiti berkenaan di Pekan dan Gambang di sini bagi kemasukan sesi akademik 2015/2016.

Lebih membanggakan kira-kira 72 peratus penuntut yang mempunyai kelayakan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) minimum 3.00 dan 14 penuntut dengan CGPA 4.00 memilih UMP sebagai destinasi pengajian mereka.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pada kemasukan penuntut sesi akademik 2015/2016, UMP menawarkan program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan kepujian melibatkan kerjasama universiti Jerman iaitu Universiti Reutlingen (RU).

Katanya, penuntut yang memilih program baharu itu akan mendapat dua ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan UMP dan Ijazah Sarjana Muda Operasi Antarabangsa dan Pengurusan Logistik RU apabila tamat pengajian.

“Pada tahun ini juga program dwijazah bertaraf antarabangsa melibatkan kerjasama dengan pihak institusi pengajian di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA) yang masuk tahun keenam mendapat sambutan menggalakkan apabila bilangan yang memohon bertambah.

“Seramai 60 penuntut berjaya ditawarkan mengikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan ibu bapa dan penuntut baharu universiti itu di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin.

Daing Nasir berkata, institusi pengajian tinggi (IPT) tersebut juga menerima 28 penuntut antarabangsa melibatkan lapan negara antaranya dari Yemen, China, Sudan dan Somalia yang bakal mengikuti pengajian sarjana muda.